



**SIARAN MEDIA
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**ADUAN PENIPUAN DALAM TALIAN PERAS UGUT KELUARGA
KLIEN DENGAN BAYARAN SEJUMLAH WANG**

KAJANG, 28 MAC 2025 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengesan penipuan dalam talian yang menyamar sebagai pegawai AADK dengan bertindak memeras ugut keluarga klien yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan di AADK dengan suatu bayaran tertentu bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas. Sehingga hari ini, AADK mengesan dua kes melibatkan panggilan telefon dan *e-mel* secara terus dengan keluarga klien.

Sehubungan itu, AADK ingin memberi peringatan kepada orang ramai mengenai modus operandi baharu penipuan dalam talian yang menyasarkan keluarga dan penjaga klien AADK dengan menyamar sebagai pegawai AADK atau pejabat untuk mendapatkan wang ringgit. Bagaimanapun tiada mangsa penipuan dilaporkan setakat ini memandangkan semua mangsa terus merujuk Pusat Gerakan Hotlien (PGH) AADK untuk mendapatkan pengesahan.

AADK ingin menasihatkan kepada ahli keluarga atau penjaga klien yang menerima panggilan atau *e-mel* yang mencurigakan terus menghubungi pegawai pemulihan AADK di daerah, negeri atau ibu pejabat sebelum sebarang tindakan dibuat seperti:

- i- Melakukan sebarang transaksi pemindahan wang kepada individu atau nombor akaun yang mencurigakan;

- ii- Membuat laporan polis pada kadar segera; dan
- iii- Melaporkan perkara tersebut kepada AADK di pejabat AADK berhampiran atau menghubungi talian bebas tol PGH AADK bernombor 1-800-22-2235 atau aplikasi *Whatsapp* di talian 019-626 2233.

AADK komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan klien serta keluarga atau penjaga daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian. Orang ramai juga diminta untuk sentiasa berwaspada dan tidak terpedaya dengan taktik licik penipuan yang menyalahguna nama AADK untuk kepentingan peribadi.

-TAMAT-

**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KAJANG, SELANGOR
28 MAC 2025**

E-mel: pro@aadk.gov.my
No. Tel: 03-89112424/2420/2564